

UM 27 OCT 2001

Oleh

MARHAINI KAMARUDDIN

AHLI Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Moktar Radin tiba-tiba menjadi begitu popular sepanjang sidang Dewan Rakyat dua minggu lalu.

Di kalangan pemberita Parlimen, beliau memang dikenali kerana perannya sebagai anggota Kelab Penyokong-Penyokong Kerajaan (BBC).

Namun kaitan beliau dengan dua insiden semasa sesi perbahasan sidang kali ini menyebabkan namanya layak dicalonkan sebagai 'Ahli Parlimen Paling Popular' pada bulan ini.

Insiden pertama, keter-

lanjuran mengeluarkan perkataan lucuh semasa bertikam lidah mengenai isu negara Islam dengan seorang anggota pembangkang.

Menerusi insiden kedua, kelantangan mencadangkan supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memecat menteri yang tidak cekap.

Bagi mereka yang sering mengikuti sidang Dewan, penggunaan perkataan kesat oleh ahli Parlimen memang biasa dibaca melalui laporan media.

Dalam kes ini, seperti juga kes-kes lain melibatkan penggunaan perkataan yang tidak sepatutnya diucapkan di Parlimen, anggota Dewan Rakyat sebenar-

nya tidak ada alasan langsung untuk berbuat demikian.

Tidak ada alasan yang membenarkan rakyat negara ini apatah lagi seorang ahli Parlimen menggunakan perkataan lucuh atau kesat baik di inana sahaja, lebih-lebih lagi di dalam Dewan Rakyat yang mulia.

Bung telah pun mengakui keterlanjurannya, menarik balik perkataan tersebut dan memohon maaf kepada ahli Parlimen pembangkang yang terlibat.

Masyarakat mengharapkan perkara yang sama tidak lagi berulang terhadap mana-mana ahli Parlimen pun selepas ini kerana selaku pemimpin mereka perlu menunjukkan sikap lebih berhemah.

Kemuliaan Parlimen sebagai badan perundangan tertinggi negara perlu dipelihara dan dihormati bukan sahaja oleh pendukung kerajaan bahkan anggota pembangkang yang turut menjadi anggota Dewan Rakyat yang mulia itu.

Mengenai cadangan supaya Dr. Mahathir memecat menteri yang tidak cekap pula, beberapa anggota Parlimen menyifatkannya tidak lebih hanya suatu 'sentakan' untuk mengejutkan beberapa anggota kabinet.

Teguran ahli Parlimen terhadap menteri yang jarang sekali menjenguk Parlimen, sebenarnya sudah biasa dilaporkan media.

Tidak ada apa yang baru.

# Bung Moktar layak dicalon

## 'Ahli Parlimen Paling Popular'

Tetapi perkataan 'pecat' itu mungkin sengaja digunakan supaya anggota kabinet yang termakan cili merasa pedas sendiri.

Kehadiran menteri untuk menjawab soalan ahli Parlimen sebenarnya tidak begitu penting jika timbalan atau Setiausaha Parlimen yang mewakilinya mampu mengemukakan jawapan yang baik dan memenuhi kehendak anggota Dewan Rakyat.

Namun yang mengecewakan ahli-ahli Parlimen apabila jawapan yang diberikan setakat 'ala kadar' dan di sinilah kehadiran menteri amat diharapkan kerana mereka sahaja yang dirasakan paling layak untuk memberi penjelasan.



Menyorot sesi perbahasan Belanjawan 2002 sepanjang minggu ini, lebih 10 ahli Parlimen telah menyertainya. Namun belum banyak yang dapat diperkatakan mengenai pakej rancangan ekonomi yang dibentangkan oleh Dr. Mahathir selaku Menteri

Kewangan, Jumaat minggu lalu.

Sebaliknya, isu' konsep negara Islam lebih menjadi tumpuan untuk dibahaskan baik oleh wakil rakyat UMNO dan Pas, malah turut menjadi topik utama ucapan wakil rakyat DAP.

Mungkin hilang sabar dengan tumpuan berlebihan terhadap isu itu, Wan Junaidi Tunku Jaafar (BN-Batang Lupar) ketika turut serta dalam perbahasan Belanjawan 2002, berleter panjang menegur ahli-ahli Parlimen, terutama pembangkang yang terus cuba mempolitikkan isu tersebut.

Baginya, perbahasan sama ada Malaysia sebuah negara Islam atau sekular,

tidak penting kerana dunia Islam sendiri telah membuat pengiktirafan.

Memetik kata Mastika Junaidah Husin (BN-Arau) ketika mencelah ucapan Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Noor:

"Penerimaan orang bukan Islam di negara ini terhadap pengumuman Malaysia sebagai negara Islam yang dibuat oleh Perdana Menteri, membuktikan kejayaan kerajaan meningkatkan kefahaman rakyat terhadap agama itu."

Seungguhnya, pengisian program-program untuk mengembangkan syiar Islam dalam negara adalah lebih penting daripada se-kadar melaungkan konsep negara Islam.